

Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

"Saya menyimpan wang semata-mata untuk membeli lembu baka kerana ia mendatangkan kepuasan pada diri," kata Mohd Zul Mohd Nor, 47, dari Kampung Bukit Tunggal, semalam.

Mohd Zul adalah penternak yang membeli lembu baka Charolais Blonde dengan harga hampir RM11,800 di Pasar Ternakan Hidup di Manir, Sabtu lalu.

Lembu jantan baka campuran terbaru yang berusia dua tahun lima bulan itu dibeli untuk tujuan pembakaan.

Mohd Zul berkata, dia memang menggemari lembu baka kerana saiz dan bentuknya yang menarik berbanding lembu biasa.

"Sebelum ini saya pernah membeli lembu Charolais dengan harga RM15,000 untuk tujuan pembakaan sebelum dijembelih dan dijamu penduduk kampung.

"Saya menternak lembu dan kerbau sejak 25 tahun lalu dan sentiasa menyimpan

FAKTA

Mohd Zul membeli lembu baka Charolais Blonde dengan harga RM11,800

Bukan sebarang Blonde

■ **Lembu baka kacukan seberat 800 kilogram dibeli pada harga RM11,800**

wang untuk persediaan bagi membeli lembu baka terbaik," katanya.

Menurutnya, lembu Charolais Blonde yang dibelinya itu ialah hasil campuran dua jenis baka iaitu Charolais dan Blonde.

"Lembu jenis ini masih ba-

ru dan tidak ramai yang memilikinya. Selain saiznya besar dan seberat 800 kilogram, lembu ini juga mempunyai bulu yang cantik seperti kuda.

"Saya berasa bertuah kerana memilikinya dan akan membiakkan lembu baka

campuran ini," katanya.

Sementara itu, Pengurus Pasar Ternakan Hidup Kamaruddin Mohd berkata, lembu baka itu menjadi haiwan ternakan paling mahal pernah dijual di pasar ternak berkenaan sejak dibuka Ogos lalu.

"Jika ikutkan harga asal,

pemilikinya meletakkan harga RM12,000 tetapi atas budi bicara, ia dijual dengan harga RM11,800.

"Lembu itu memecahkan rekod jualan tertinggi sebelum ini iaitu jualan lembu baka Limosin yang dijual dengan harga

RM8,000," katanya.

Menurutnya, dia dan semua pihak yang terbabit dengan pasar ternakan termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri berpuas hati kerana berpeluang membantu penternak menjual ternakan masing-masing.

